

GANDINGAN MANTAP

Putra mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang baru dinaikkan pangkat, baik di peringkat Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut atau di peringkat atasan. Sesungguhnya semua itu adalah amanah dan tanggungjawab yang perlu dihadapi bagi memastikan segala urusan akan dilaksanakan dengan penuh kesungguhan, keikhlasan dan kesabaran. Apa yang penting kita semua mestilah memberi kerjasama yang erat bagi memastikan falsafah universiti telah dihayati dan misi universiti dapat dicapai dengan jaya dan cemerlang. Putra percaya gandingan lama dan baru akan memantapkan lagi kesinambungan kecemerlangan Universiti Putra Malaysia dalam semua bidang.

Putra .. Syabas dan tahniah kepada semua.

VANDALISME DI IPTA

Ditengah –tengah kerancangan pembangunan di Bandar Kampus Putra, terdapat beberapa kejadian yang sepatutnya tidak berlaku di kampus hijau. Putra agak si pelaku tersebut merupakan insan-insan yang tidak bertanggung jawab yang hanya mementingkan diri sendiri. Masakan tidak, telefon yang agak penting bagi tujuan komunikasi disalahgunakan sehingga terdapat set-set telefon yang tidak bergagang lagi. Pasti akan menyusahkan orang lain. Mungkin juga si pelaku telah mempunyai telefon bimbit. Namun begitu, janganlah menyusahkan orang lain walaupun kita tidak menggunakan kemudahan tersebut.

Putra ... Sekali ditekankan, Jangan menyusahkan orang lain...

ANTARA ILMU DAN SEGULUNG IJAZAH

Musim konvo hampir tiba iaitu dalam bulan Julai dan Ogos tahun ini. Sebalik keriangian bakal-bakal graduan, pastinya adik-adik yang sedang berusaha dengan tekun di Bandar Kampus Putra berangan agar suatu masa nanti mereka juga akan bergelar bakal-bakal graduan. Namun antara ilmu dan segulung iazah menjadi satu persoalan yang menarik untuk dibicarakan. Putra dapati rata-rata pelajar hanya menuntut ilmu untuk peperiksaan semata. Ilmu yang diajar oleh para sarjana sepatutnya dihayati dan dipraktikkan dimana jua keadaan. Jangan hanya diingati dalam tempoh satu semester sahaja, kerana ilmu pengetahuan itu sebenarnya merupakan satu proses kesinambungan pengalaman seharian baik di bilik kuliah mahupun diluar yang pasti dihadapi sepanjang kehidupan ini.

Putra ... ilmulah penyuluh dan penggerak kehidupan sejati...

PELAJAR BERTALI LEHER?

Beberapa pegawai akademik menyatakan rasa puas hati mereka apabila mendapati para pelajarnya berpakaian kemas sewaktu menghadiri kuliah. Apatah lagi para pelajar lelaki kelihatan begitu kacak memakai tali leher bagi menunjukkan ciri-ciri pelajar sebenar. Pasti para pensyarah tentulah kurang selesa apabila para pelajarnya kelihatan selekeh dan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak HEP. Namun begitu isunya, adakah perlu diwajibkan kepada semua pelajar dan pegawai sepertimana dibeberapa buah IPTA yang lain?

Putra ... sentiasa berpakaian kemas, dulu, kini dan selamanya.